



Abd Taib (empat dari kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang sambil disaksikan Shahruni (tiga dari kanan) pada program Jalinan Ukhuwah di Simpang Renggam, semalam.

JCorp semarak Jalinan Ukhuwah

➔ Program dedahkan pelajar permainan berbentuk keusahawanan

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhjb@bh.com.my

► Simpang Renggam

Hampir 300 pelajar menyertai program Jalinan Ukhuwah dalam usaha antara syarikat korporat dengan masyarakat luar bandar, di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Abdul Rahman Andak, dekat sini.

Program anjuran Johor Corporation (JCorp) itu bertujuan memberi pendedahan kepada peserta menerusi permainan berbentuk keusahawanan, sekali gus merapatkan hubungan antara syarikat korporat dengan penduduk setempat.

Pengerusi Jalinan Ukhuwah JCorp, Shahruni Aslam, berkata sempena program itu turut diadakan pertandingan catur dan Cilik Bistari yang menjadi ke-

sinambungan daripada program Bistari, Didik dan Siswa Bistari anjuran syarikat itu.

Katanya, pihaknya berusaha menerapkan ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar, sekali gus memenuhi tanggungjawab korporat syarikatnya dengan mendekati masyarakat setempat.

Galak bidang usahawan

"Inisiatif ini bagi memberi galakan bidang keusahawanan pada peringkat awal, yang juga antara tanggungjawab korporat JCorp yang sudah dilaksanakan sejak 1992," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi kenyataan di sini, semalam selepas program Jalinan Ukhuwah yang disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap, Abd Taib Abu Bakar.

Shahruni berkata, pihaknya turut mengadakan program Jelajah Semarak Jawi, pertandi-

ngan menulis khat dan kuiz Jawi bagi murid sekolah terpilih daerah Kluang dan Batu Pahat.

Martabat tulisan Jawi

Katanya, 200 peserta menyertai program Semarak Jawi yang diadakan dalam usaha memartabat dan membudayakan penggunaan tulisan Jawi.

Beliau berkata, sempena program itu turut diadakan pemeriksaan kesihatan percuma oleh Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) Kluang Utama dan Hospital Waqaf An-Nur Pasir Gudang, selain taklimat mengenai program pembelajaran atas talian menerusi aplikasi media sosial iaitu Classruum.

Katanya, sepanjang tahun ini, sebanyak tujuh siri Jalinan Ukhuwah dijalankan di seluruh Johor yang menjadi antara program tanggungjawab sosial korporat syarikat di bawah JCorp.